

SOALAN NO. : 280

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN:

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap aduan penduduk Perumahan Awam, Jalan Siputeh, Pusing, Batu Gajah terhadap kilang pasir Kim Yuan Amang Factory Sdn Bhd yang mengeluarkan bahan pencemaran berhabuk di kawasan persekitaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan aduan pencemaran udara yang diterima, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah menjalankan siasatan ke atas premis tersebut dan hasil siasatan mendapati aduan adalah berasas dan aspek-aspek ketidakpatuhan yang berlaku adalah seperti berikut:

- (a) Ketinggian stockpile pasir *silika* yang digunakan sebagai bahan mentah melebihi paras bumbung premis dan terlalu banyak longgokan stockpile di sekeliling premis. Ini kerana tiada kawalan terhadap jumlah muatan pasir yang masuk ke premis. Walaupun terdapat peralatan kawalan habuk seperti *water sprinkler/water browser*, tetapi ianya tidak bersesuaian dengan keadaan stockpile yang terlalu banyak ini;
- (b) Jalan keluar masuk premis tidak berturap dan dipenuhi pasir yang berpotensi menyebabkan laluan keluar masuk berdebu; dan
- (c) Tiada penyemburan *air/washing bay/wash trough* disediakan di jalan keluar/masuk premis dan berpotensi menyebabkan pelepasan habuk ke jalan utama;

Bagi tujuan pematuhan dan langkah drastik terhadap aduan ini, JAS telah mengarahkan premis mematuhi segera Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi tujuan kawalan pencemaran habuk sedia ada.

JAS Perak akan terus memberi perhatian dan memantau pematuhan premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya agar masalah pencemaran di kawasan yang terlibat dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.